

Strategi tingkat pendapatan, kuasa beli rakyat

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan meneruskan dasar dan strategi untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat terutama isi rumah miskin dalam kalangan B40, bagi membantu ekonomi rakyat untuk jangka masa sederhana dan panjang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri, berkata langkah berkenaan akan dilaksanakan melalui program peningkatan pendapatan dan keupayaan, menambah baik akses daripada keperluan asas termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan, menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan dan meningkatkan perlindungan sosial.

Perdana Menteri menjelaskan, pelbagai bantuan yang disediakan kerajaan di bawah lapan pakej rangsangan sepanjang pandemik melanda negara kebanyakannya adalah bersifat jangka masa pendek bagi mengurangkan tekanan terhadap individu serta isi rumah yang terkesan.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson) mengenai langkah yang diambil kerajaan dan penjelasan berkenaan pendapatan isi rumah kasar bulanan yang menurun sehingga 10.3 peratus.

Sebagai contoh, Perdana Menteri menjelaskan, apabila kerajaan memberi bantuan tunai secara "one-off" kepada peniaga mikro, ia hanya bertahan untuk waktu yang singkat saja.

"Rancangan kita untuk jangka sederhana dan panjang adalah memberi latihan keusahawanan dan peningkatan kemahiran serta kemahiran semula supaya golongan ini diberi ruang selepas itu untuk menambah pendapatan atau mencari punca pendapatan baharu.

"Begitu juga jika mahu memerlukan perniagaan, yang mana mereka mesti memerlukan sedikit modal dan sebab itu, Bank Simpanan Nasional (BN) dan MARA menyediakan modal itu, dan yang lebih penting adalah untuk jangka masa panjang iaitu ketika kita membuka semula ekonomi.

"Kita jangka apabila ekonomi dibuka semula, peluang mereka untuk mendapat pekerjaan dan memulakan perniagaan boleh membantu mereka meneruskan hidup, dan akhirnya yang paling penting, jurang kemiskinan dapat kita kurangkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, antara bantuan yang disediakan kerajaan di bawah pakej rangsangan termasuk Bantuan Prihatin Nasional (BPN), Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) dan Bantuan Khas COVID-19 (BKC) Fasa Satu yang keseluruhannya berjumlah RM24.9 bilion, dan membantu 10.9 juta individu dan isi rumah.

Selain itu, moratorium bayaran balik pinjaman kepada lebih tujuh juta peminjam, diskaun bil elektrik sebanyak RM3.14 bilion yang memanfaatkan 8.8 juta individu dan isi rumah,

RM300,000 kepada setiap Ahli Parlimen bagi program Bantuan Bakul Makanan yang memanfaatkan kira-kira 375,000 penerima dan mengekalkan serta mewujudkan pekerjaan termasuk Program Subsidi Upah yang membantu kira-kira 300,000 majikan dan mengekalkan lebih 2.7 juta pekerjaan.

Perdana Menteri memaklumkan, berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan pada Ogos 2021 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pendapatan purata kasar bulanan isi rumah menurun sebanyak 10.3 peratus daripada RM7,901 pada 2019 kepada RM7,089 pada 2020.

Katanya, insiden kemiskinan pula meningkat kepada 8.4 peratus, berbanding 5.6 peratus pada 2019.

"Pandemik COVID-19 menyebabkan ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 5.6 peratus pada 2020.

"Selain itu, kadar pengangguran meningkat dengan ketara kepada 5.3 peratus pada Mei 2020, berbanding 3.3 peratus pada 2019, manakala kira-kira 600,000 isi rumah daripada kumpulan M40 yang berpendapatan antara RM4,850 dan RM10,959 sebulan jatuh ke kumpulan B40," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/863799/strategi-tingkat-pendapatan-kuasa-beli-rakyat>